

# Bahasa Melayu bentuk perpaduan kebangsaan

## Ubah sistem pembelajaran baiki hubungan kaum: Ungku Aziz


Oleh Syuhada Choo Abdullah  
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu melakukan beberapa perubahan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran, khususnya mengenai bahasa Melayu bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini, kata Prof Diraja Ungku Aziz.

Beliau berkata, perubahan itu perlu merangkumi semua peringkat persekolahan termasuk di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

"Bahasa Melayu penting untuk mewujudkan perpaduan, manakala bahasa Inggeris boleh digunakan untuk pembangunan ekonomi negara.

"Pada masa kini, usaha untuk mewujudkan perpaduan kaum melalui bahasa dilihat sebagai tidak begitu berjaya kerana berdasarkan kepada pemerhatian, kebanyakannya pelajar di institusi pengajian tinggi masih belum sepenuhnya menggunakan



Ungku Aziz berkata, kerajaan berkaitan perlu menyediakan satu agihan sistem pelajaran supaya pelajar dapat mempelajari bahasa Melayu bermula dari peringkat yang mudah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Maknanya pelajar boleh bercakap dalam bahasa Melayu dengan baik, tidak rojak dan tidak telor. Kalau kita ada sistem pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang betul, kita boleh lahirkan pelajar yang baik serta mewujudkan perpaduan kaum," katanya.

Sementara itu, Alimuddin ketika diminta mengulas perkara berkenaan pada sidang akhbarnya berkata, antara matlamat utama pendidikan negara sejak Laporan Razak 1956 ialah untuk mewujudkan perpaduan nasional.

Justeru, katanya, penggunaan bahasa Melayu diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara untuk mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

kan bahasa Melayu.

"Sistem pembelajaran penting untuk wujudkan perpaduan negara. Saya rasa perpaduan negara melalui sistem ini masih tidak begitu berjaya," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Pemuafatkan Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Kementerian Pelajaran di Universiti Putra Malaysia di Serdang, dekat sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom dan Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.